

SULIT

MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT
MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT
BILANGAN 10 TAHUN 2020

TARIKH : 22 DISEMBER 2020 (SELASA)
MASA : 9.30 PAGI
TEMPAT : PUTRAJAYA MARRIOT HOTEL

HADIR

1. YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim, *D.I.M.P.*- Pengerusi
(Yang Dipertua)
2. Y.A.D. Tengku Dato' Mohamed Alhaj bin - Ahli Majlis
Tengku Harun, *D.S.I.S., A.M.S., P.J.K.*
Tengku Penggawa Muda Paduka Maha Bijaya
Orang Besar Daerah Kuala Langat
3. Encik Wong Kim Loon - Ahli Majlis
4. Encik Rosdi bin Meor Endut - Ahli Majlis
5. Encik Mat Irwan bin Ismail - Ahli Majlis
6. Cik Ang Lee Yong - Ahli Majlis
7. Encik Ang Eu Liang - Ahli Majlis
8. Encik Nadasan a/l Subramani - Ahli Majlis
9. Encik Haridass a/l Ramasamy - Ahli Majlis
10. Encik Gan Yee Chin - Ahli Majlis
11. Encik Teh Eng Teck - Ahli Majlis
12. Encik Lim Tou Yih - Ahli Majlis
13. Encik Mohd Afiq bin Mohd Tuniman - Ahli Majlis
14. Encik Munusamy a/l Erishin - Ahli Majlis
15. Encik Razali bin Ahmad - Ahli Majlis
16. Puan Nor Aishah binti Abdul Majid - Ahli Majlis
17. Encik Sethupathy a/l Subramaniam - Ahli Majlis
18. Encik Baharudin bin Misran, *P.J.K.* - Ahli Majlis
19. Puan Rahimah binti Harun - Ahli Majlis
20. Puan P. Umananthini a/p Gnanapragasam - Ahli Majlis

- | | | | |
|-----|--|---|---------------------|
| 21. | Encik Low Kok Hua | - | Ahli Majlis |
| 22. | Encik Mohd Safiee bin Harun | - | Ahli Majlis |
| 23. | Encik Yong Keh Chyn | - | Ahli Majlis |
| 24. | Encik Abu Bakar bin Mohamad | - | Ahli Majlis |
| 25. | Encik Naharanuar bin Ayob | - | Ahli Majlis |
| 26. | Encik Miskon bin Haji Karim, <i>A.I.S., P.P.T.</i> | - | Penolong Setiausaha |

TURUT HADIR

- | | | | |
|-----|--|---|---|
| 1. | Tuan Haji Fauzi bin Din, <i>P.J.K.</i> | - | Wakil Pengarah Jabatan
Khidmat Pengurusan |
| 2. | Encik Kamarulzaman bin Ahmad, <i>P.J.K.</i> | - | Pengarah Jabatan
Perbendaharaan |
| 3. | Encik Zulkefli bin Mohamed Arif, <i>P.P.T.</i> | - | Pengarah Jabatan
Kejuruteraan |
| 4. | Tuan Haji Arpaaii bin Haji Sanat, <i>A.M.S., P.P.T., P.K.T.-</i> | - | Pengarah Jabatan
Perancangan Pembangunan |
| 5. | Tuan Haji Zailani bin Hashim, <i>P.P.T., P.K.T.</i> | - | Pengarah Jabatan
Pengurusan Sisa Pepejal dan
Kesihatan Persekitaran |
| 6. | Encik Hishamuddin bin Ismail, <i>P.P.T.</i> | - | Pengarah Jabatan
Korporat dan Pembangunan
Masyarakat |
| 7. | Puan Lisawati binti Abd. Karim | - | Pengarah Jabatan
Penilaian dan Pengurusan
Harta |
| 8. | Encik Syamsol Herwan bin Ahmad | - | Pengarah Jabatan
Kawalan Bangunan |
| 9. | Tuan Haji Mazlan bin Abdul Manap | - | Pengarah Jabatan
Landskap |
| 10. | Puan Nordila binti Yasir | - | Pengarah Jabatan
Pelesenan |
| 11. | Puan Hashila binti Hamzah | - | Pengarah Jabatan
Penguatkuasaan |
| 12. | Tuan Haji Nordin bin Haji Hashim | - | Ketua Unit OSC |
| 13. | YBhg. Datin Mohaneswary a/p Batumalai
Subaramaniam | - | Ketua Unit Audit
Dalam |

- | | | | |
|-----|---|---|---|
| 14. | Encik Hasrizal bin Abdul Rahim | - | Ketua Unit Perundangan |
| 15. | Encik Mohd Firdaus bin Zainal Abidin | - | Ketua Bahagian Teknologi Maklumat |
| 16. | Encik Muhammad Asyraf bin Mohammad Jasni- | | Ketua Unit Perolehan dan Ukur Bahan |
| 17. | Encik Wan Putara Noor Shahan bin Ngadirin | - | Ketua Pejabat Cawangan Bandar Saujana Putra |
| 18. | Puan Azlinda binti Ibrahim | - | Wakil Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan |

URUS SETIA (JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)

- | | | | |
|----|------------------------------------|---|-----------------------------|
| 1. | Encik Abdul Mutalib bin Mohd Yunus | - | Penolong Pegawai Tadbir |
| 2. | Puan Nur Hazlynda binti Sahimi | - | Pembantu Setiausaha Pejabat |
| 3. | Puan Rosmawati binti Othman | - | Pembantu Setiausaha Pejabat |
| 4. | Encik Mohd Sahlan bin Tukiran | - | Pembantu Operasi |
| 5. | Encik Noor Ridhuan bin Abdul Jalil | - | Pembantu Operasi |

PERKARA	TAJUK PERKARA		TINDAKAN
1.0	UCAPAN Pengerusi		
	<p>Mesyuarat telah dimulakan dengan bacaan doa bagi ahli mesyuarat yang beragama Islam.</p> <p>Tuan Pengerusi memberi salam dan mengalu-alukan kehadiran YAD Orang Besar Daerah, Ahli-Ahli Majlis, Penolong Setiausaha, Pengarah-Pengarah Jabatan dan Ketua-Ketua Unit pada mesyuarat hari ini. Dalam ucapannya, beliau memaklumkan perkara berikut:</p>		
	1.1	<p>Beliau melahirkan rasa kesyukuran kerana dapat bersama-sama bermesyuarat pada hari ini yang merupakan Mesyuarat MPKL yang terakhir bagi tahun 2020 dan mesyuarat terakhir buat beberapa orang Ahli Majlis. Bagi Ahli Majlis yang dilantik semula, beliau berharap kerjasama ini dapat diteruskan dalam membantu penduduk di daerah Kuala Langat. Beliau juga mengucapkan selamat maju jaya kepada Ahli Majlis yang akan dilantik di PBT lain. Beliau berharap dan kerjasama dan komunikasi ini dapat diteruskan pada masa akan datang.</p>	Makluman
2.0	PENGESAHAN MINIT MESYUARAT		
	2.1	MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT BILANGAN 9 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 19 NOVEMBER 2020	
		<p>Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh Encik Wong Kim Loon dan disokong oleh Puan Nor Aishah binti Abdul Majid tanpa pindaan.</p>	Makluman
3.0	PERKARA-PERKARA BERBANGKIT		
	3.1	- TIADA -	Makluman
4.0	MENIMBANG, MENERIMA DAN MELULUSKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:		

4.1	MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BILANGAN 10 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 7 DISEMBER 2020	
	Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
i.	<p><u>Perkara 4.1 (m.s.3)</u></p> <p>Encik Mat Irwan ingin tahu prestasi kutipan kewangan pada tahun ini.</p> <p><i>Pengarah JP memaklumkan prestasi kutipan pada tahun ini telah mencapai sebanyak 85%. Difahamkan terdapat tunggakan cukai taksiran daripada pihak Megasteel dan Amsteel iaitu sebanyak RM1.68 juta. Oleh itu, beliau mencadangkan pihak JPL menangguhkan permohonan pembaharuan lesen daripada syarikat-syarikat di Wisma Lion.</i></p> <p><i>Tuan Pengerusi meminta pihak JPPH membuat satu senarai pembayar cukai taksiran yang mempunyai tunggakan dan mengedarkannya kepada jabatan-jabatan teknikal lain. Satu 'taskforce' perlu dibuat di mana pihak jabatan membekukan semua permohonan mereka selagi mereka tidak menjelaskan tunggakan cukai taksiran yang ada.</i></p> <p><i>Pengarah JPP mencadangkan perkara ini dimasukkan dalam ulasan permohonan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat.</i></p> <p><i>Encik Mat Irwan memaklumkan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan yang lalu ada membangkitkan beberapa cadangan antaranya mengenakan cukai taksiran kepada pengusaha homestay, membuat satu garis panduan berkenaan rumah-rumah pekerja asing samada di dalam atau di luar kilang dan rumah-rumah sewa yang mendorong kepada masalah sampah haram.</i></p> <p><i>Tuan Pengerusi memaklumkan pihak JKPM sedang mengumpulkan maklumat berkenaan pengusaha-</i></p>	JPPH

		<p><i>pengusaha homestay di daerah Kuala Langat.</i></p> <p><i>Encik Baharudin membangkitkan berkenaan cadangan untuk memberi lesen sementara kepada kilang-kilang haram yang masih beroperasi di daerah Kuala Langat. Beliau juga memohon 'billboard' haram diambil tindakan penguatkuasaan.</i></p>	
	ii.	<p><u>Perkara 4.2 (m.s.3)</u></p> <p>Y.A.D. Dato' Orang Besar Daerah ingin tahu tempoh masa yang diberikan kepada penyewa untuk mengecat sendiri petak yang telah disewa.</p> <p><i>Pengarah JP memaklumkan bermula 1 Januari 2021, semua penyewa akan mengecat sendiri petak yang telah disewa. Tempoh masa yang diberikan adalah dalam masa tiga hari selepas kelulusan.</i></p> <p><i>Cik Ang Lee Yong mencadangkan pemasangan papan tanda makluman di atas petak khas penyewa diseragamkan.</i></p> <p><i>Encik Gan Yee Chin mencadangkan pihak jabatan memberi sampel ukuran papan tanda kepada penyewa.</i></p>	JP
	4.2	<p>MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN BILANGAN 10 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 7 DISEMBER 2020</p>	
		<p>Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut:</p>	
	i.	<p>Encik Naharanuar mencadangkan penambahbaikan dan naiktaraf pejabat Ahli Majlis dengan suasana pejabat yang selesa menggunakan bajet 'one-off' antaranya pembelian penghawa dingin, pembelian perabot dan penyediaan bilik mesyuarat (meja/kerusi). Beliau juga mencadangkan pihak Majlis mengadakan seminar gerak kerja Ahli Majlis dengan norma baharu. Dalam masa yang sama, keselamatan Ahli Majlis dalam menjalankan tanggungjawab bertemu</p>	Makluman

		masyarakat dan program-program yang diadakan atau dirancang dapat dipertingkatkan secara menyeluruh kepada masyarakat di dalam zon masing-masing.	
	4.3	MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BILANGAN 10 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 8 DISEMBER 2020	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	<u>Perkara 4.2.2 (m.s.7)</u> Encik Baharudin memohon kerja-kerja pengantian Arca Sauh kepada Arca Perahu di Pantai Batu Laut disegerakan. <i>Tuan Pengerusi memaklumkan perkara ini akan cuba dilaksanakan pada tahun hadapan. Pihak Majlis juga akan memikirkan satu aktiviti yang boleh menarik pengunjung datang ke Pantai Batu Laut dan Tanjung Sepat.</i>	Makluman
	4.4	MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN AWAM BILANGAN 9 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 8 DISEMBER 2020	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	Makluman
	4.5	MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAN BILANGAN 8 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 9 DISEMBER 2020	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	Makluman
	4.6	MESYUARAT JAWATANKUASA PERKHIDMATAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BILANGAN 8 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 14 DISEMBER 2020	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	

	i.	<p><u>Perkara 4.1.2 (m.s.3)</u></p> <p>Encik Ang Eu Liang memaklumkan berkenaan masalah semak samun di Jalan Klang Banting, bersebelahan bangunan RHB Jenjarom.</p> <p><i>Pengarah JL memaklumkan hasil semakan mendapati terdapat 22 orang penama di lot tersebut. Pihak jabatan telah berjaya menghubungi salah seorang penama dan beliau telah berjanji untuk membersihkan lot tersebut.</i></p> <p><i>Ketua UU mencadangkan pemilik tanah dikenakan tindakan mahkamah.</i></p>	JL
	4.7	<p>MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BILANGAN 9 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 15 DISEMBER 2020</p>	
		<p>Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut:</p>	
	i.	<p><u>Perkara 4.4.1 (no.8) (m.s.9)</u></p> <p>Penambahan ayat – Encik Gan Yee Chin meminta supaya mana-mana permohonan aktiviti lesen perniagaan yang dilarang di bawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan untuk dipertimbangkan.</p>	Makluman
	ii.	<p>Encik Wong Kim Loon ingin tahu status pembaharuan lesen melalui sistem secara atas talian (online).</p> <p><i>Pengarah JPL memaklumkan perkara ini telah dibuat hebahan tetapi masih belum ada penggunaan daripada orang awam. Sebagai makluman, sistem ini hanya boleh digunakan untuk pembaharuan lesen yang tidak berisiko. Beliau juga memaklumkan caj denda lewat untuk pembaharuan lesen dikecualikan bagi tahun 2021.</i></p>	Makluman

5.0	MEMAKLUMKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:		
	5.1	MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BILANGAN 15 TAHUN 2020 MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TELAH DIADAKAN PADA 12 NOVEMBER 2020	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	Makluman
	5.2	MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BILANGAN 16 TAHUN 2020 MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TELAH DIADAKAN PADA 27 NOVEMBER 2020	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	Makluman
6.0	PERKARA-PERKARA YANG DIBINCANGKAN		
	6.1	<p><u>KERTAS MESYUARAT NO.1</u> PEMAKLUMAN KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA KECIL SEWAAN PREMIS PERNIAGAAN BILANGAN 6/2020</p> <p>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk makluman mesyuarat.</p> <p><u>Pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Sewaan Premis Perniagaan</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kekosongan premis telah diiklankan pada 11 November 2020 hingga 24 November 2020. Iklan ini melibatkan kekosongan premis sebanyak 95 unit premis perniagaan. Sebanyak 61 permohonan premis telah diterima dan di bawa ke dalam mesyuarat tersebut. Ahli Jawatankuasa mesyuarat telah bersetuju dengan pemilihan penyewa bagi permohonan sewaan seperti di Lampiran A dan Lampiran B. 2. Melalui keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan bilangan 7 tahun 2018, pemohon diminta untuk menghantar borang permohonan bersama sesalinan kad pengenalan, penyata bank semasa, gambar produk/perkhidmatan sedia ada jika telah berniaga. Sekiranya 	JPPH

		<p>pemohon tinggal di kawasan MPKL semakan ke atas tunggakan cukai taksir juga akan dibuat.</p> <p><u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u></p> <p>Mesyuarat bersetuju mengambil maklum kertas mesyuarat ini. Encik Razali memohon penyewa Encik Muhammad Nazri bin Ramli ditukarkan ke gerai No.22 manakala Encik Muhammad Fadhil bin Zainal Abidin ditukarkan ke gerai No.15.</p>	
7.0	UCAPAN PENANGGUHAN		
	Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik Mat Irwan bin Ismail,		
	i.	Beliau mengucapkan salam dan selamat sejahtera kepada YBhg. Dato' Yang Dipertua, YAD. Dato' Orang Besar Daerah, Penolong Setiausaha, Ahli-Ahli Majlis dan Ketua-Ketua Jabatan.	Makluman
	ii.	Beliau melahirkan rasa kesyukuran kerana dapat berkumpul pada hari ini dalam ruang mesyuarat yang sangat bermakna. Beliau mengucapkan tahniah kepada semua Ahli Majlis dan Ketua Jabatan kerana berjaya mengharungi tahun 2020 yang penuh cabaran dan dugaan.	Makluman
	iii.	<p>Beliau memaklumkan penularan wabak Covid-19 menjadi satu topik dominan pada masa ini. Kajian menunjukkan sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan pada bulan Mac 2020, unjuran KDNK menjunam kepada 0.3% dan menyebabkan kerugian berbilion ringgit samada di Negeri Selangor dan Malaysia.</p> <p>Pihak Kerajaan Negeri juga telah cuba sedaya upaya untuk mengatasi masalah ini dengan mengadakan beberapa pakej rangsangan ekonomi dan pengumuman belanjawan tahun 2021 baru-baru ini antaranya pemberian bonus setengah bulan gaji kepada seluruh penjawat awam di Negeri Selangor menunjukkan komitmen yang tegas daripada pihak Kerajaan Negeri.</p>	Makluman

	iv.	Pemasyhuran Majlis Perbandaran Kuala Langat pada tarikh 9 September 2020 merupakan satu perkara yang amat bermakna dan beliau sebagai anak jati daerah Kuala Langat amat berbangga dengan perkara ini. Persepsi dan harapan rakyat terlalu tinggi. Oleh itu, perkhidmatan dan penyampaian maklumat harus telus hingga ke akar umbi. Beliau percaya dengan kepimpinan dan kebijaksanaan YBhg. Dato' Yang Dipertua dapat memastikan kebajikan rakyat diteruskan. Begitu juga motivasi dan komitmen daripada pegawai dan kakitangan. Beliau mewakili Ahli Majlis yang lain menyokong sepenuhnya segala keputusan yang dapat memberi manfaat kepada daerah Kuala Langat.	Makluman
	v.	Sepanjang beliau bergelar Ahli Majlis, banyak pengalaman dan pengetahuan yang beliau pelajari daripada Ketua Jabatan dan Kakitangan MPKL. Beliau mengambil kesempatan ini memohon ampun dan maaf jika ada kesilapan atau terkasar bahasa sepanjang beliau bergelar Ahli Majlis. Beliau juga mendoakan kesejahteraan semua ahli mesyuarat dan berharap dapat bertemu lagi di masa akan datang.	Makluman
8.0		UCAPAN PENUTUP OLEH Pengerusi	
		Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir. Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada Encik Mat Irwan atas ucapan penangguhan yang disampaikan. Beliau berharap pelantikan Ahli Majlis yang baru dapat disegerakan oleh pihak Kerajaan Negeri. Seterusnya, beliau menangguhkan mesyuarat pada hari ini.	Makluman

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.20 pagi.

Disediakan oleh :

Urus setia Mesyuarat,
Bahagian Pentadbiran,
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Tarikh : 28 Disember 2020

MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT
BILANGAN 10 TAHUN 2020

Disemak oleh :


.....
(MISKON BIN HAJI KARIM, A.I.S., P.P.T.)
Penolong Setiausaha,
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Disahkan oleh


.....
(DATO' AMIRUL AZIZAN BIN DATO' SRI ABD RAHIM, D.I.M.P.)
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh En. Wang Kim Loon
dan disokong oleh Pn. Nov Aishah bt. Abdul Majid tanpa pindaan.

PETUNJUK :

1. JKP - JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
2. JP - JABATAN PERBENDAHARAAN
3. JPPH - JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
4. JPL - JABATAN PELESENAN
5. JPP - JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN
6. JK - JABATAN KEJURUTERAAN
7. JKB - JABATAN KAWALAN BANGUNAN
8. JL - JABATAN LANDSKAP
9. JKPM - JABATAN KORPORAT DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
10. JPK - JABATAN PENGUATKUASAAN
11. JPSPKP- JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KESIHATAN PERSEKITARAN
12. BTM - BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
13. UU - UNIT PERUNDANGAN
14. UAD - UNIT AUDIT DALAM
15. OSC - UNIT PUSAT SETEMPAT
16. COB - UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN
17. UPUB - UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN